IKLAN JAWATAN KOSONG

A. Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (keutamaan akan diberikan kepada rakyat Negeri Pahang Darul Makmur) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

1.	**JAWATAN & GRED**	**: PEMBANTU AWAM GRED H 11**
a)	**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN**	**: KEMAHIRAN**
b)	**KUMPULAN PERKHIDMATAN**	**: PELAKSANA**
c)	**KEKOSONGAN**	**: 3 (TIGA) JAWATAN**
d)	**TARAF JAWATAN**	**: TETAP**

e) SYARAT LANTIKAN: 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM 1,218.00); atau

f) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau Kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

.

B. CARA MEMOHON

(a) Permohonan hendaklah menggunakan borang MDM.PERJ.1Pind. 1/2005 yang boleh didapati daripada Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Daerah Maran atau boleh muat turun di laman web Majlis Daerah Maran www.mdmaran.gov.my. Calon-calon yang ingin **memohon borang** melalui pos hendaklah mengemukakan sampul surat berukuran 22cm x 32cm yang beralamat sendiri dan bersetem RM 1.00.

(b) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil atau salinan keputusan peperiksaan bagi kelayakan yang disyaratkan, Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan (depan dan belakang) yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport.

(c) Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 21, Bab 'A'.

(d) Borang permohanan yang dilengkapkan hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 22 cm x 32 cm dengan setem yang mencukupi. Disudut sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis Nama Jawatan yang dipohon.

C. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP

Permohonan hendaklah sampai kepada:-

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
MAJLIS DAERAH MARAN
26500 MARAN
PAHANG DARUL MAKMUR.

Sebelum atau *pada* *02 Oktober 2020 (Jumaat)*

D. CATATAN AM

(i) Permohanan **AKAN DITOLAK** jika borang permohanan:-

a. Tidak lengkap;
b. Tidak menggunakan Borang MDM.PERJ.1Pind.1/2005;
c. Tidak menyertakan dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan dan disahkan;
d. Borang permohonan yang tidak lengkap diisi atau tidak terang, tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan, tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat dan tidak ditandatangani akan ditolak; dan
e. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup iklan.

(ii) Pemohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 (enam) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.